

Headline	Suka duka anak seni		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Dec 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	30	ArticleSize	426 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 8,420	PR Value	RM 25,259



# Suka duka anak seni

## DIKTIRAF UNIVERSITI

**7 Nov.** Fara Fauzana menerima Ijazah Kehormat Sarjana dalam bidang Komunikasi Massa sebagai anugerah daripada Geomatika University College.

**8 Nov.** Penyanyi, Datuk M.Nasir dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Industri Kreatif dari Universiti Utara Malaysia (UUM).

## PENCAPAIAN

**12 Dis.** Pelakon cilik, Puteri Balqis Aziz, 7, dinobatkan sebagai Pelakon Wanita Terbaik Asia di Anugerah Televisyen Asian yang berlangsung di Singapura.

## BERGELAR DATUK

**20 Jan.** Komposer Adnan Abu Hassan menerima Darjah Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk sempena Hari Keputeraan Sultan Kedah Tunku Abdul Halim Mu'adzam Shah ke-86.

**22 Sept.** Pengarah filem, Profesor A. Razak Mohaideen dianugerahkan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk sempena sambutan ulang tahun ke-76 Yang di Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas.

## TUMPUAN

**8 Feb.** Penampilan Neelofa dengan pakaian ala-ala Power Rangers di Anugerah MeleTop Era yang berlangsung di Stadium Bukit Jalil, mendapat kritikan ramai.

**11 Feb.** Penyanyi Misha Omar membuat surat terbuka menafikan dia adalah janda dan pernah menjadi isteri ketiga kepada seorang ahli perniagaan Kelantan bagi menjawab status yang dimuat naik oleh seorang wanita di laman sosial Facebook.

**31 Mei** Suami Erma Fatima, Bade Azmi menikahi seorang wanita bernama Aida Abdul sebagai isteri keduanya. Lebih menarik, pernikahan tersebut diresmi oleh Erma sendiri dan kini pasangan tersebut telah dikurniakan seorang bayi lelaki.

**15 Sept.** Penyanyi, Shila Amzah menampel media Melayu melalui laman Instagram dengan mendakwa tidak diberikan liputan sewaktu mengadakan konsert.

**9 Okt.** Pewaris Allahyarham A.R Tompel mengadakan sidang akhbar di Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) kerana tidak berpuas hati dengan Astro apabila memaparkan banyak unsur negatif arwah ayah mereka dalam telefilem *Saloma*.

**15 Okt.** Rozita Che Wan dikritik apabila mendedahkan kepada media tentang tajaan sepenuhnya oleh Hospital KPJ Ampang Puteri untuk kelahiran anak sulungnya bersama suami, Zain Saidin.

**18 Okt.** Penulis novel *Karkuma* yang juga penerbit filem, Raja Azmi Raja Sulaiman dilarang mengadakan pertemuan bersama pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Kampus Kuantan kerana novel itu didakwa mempunyai unsur seks.

## UNDANG-UNDANG

**20 Mei** Kumpulan rock unggul, Wings membuat laporan polis apabila empat buah lagu dalam album *Menakluk Kosmos* telah dicetak rompak sebelum album itu dilancarkan.

**27 Mei** Ekoran penyebaran gambar tiket penerbangannya bersama bekas kekasihnya, Romie yang sepatutnya diklasifikasikan sulit, pelakon Hanez Suraya menyaman Malaysia Airlines (MAS).

**7 Jan.** Johan Raja Lawak berjaya memenangi saman RM1 juta ke atas Juara Film Production Sdn. Bhd. dan pengarah, Mohd. Javed Mohd. Nizar berikutan kecederaan di dahi yang dialaminya selepas dibaling gelas kaca.

**30 Jun** Vokalis Wings, Awie dikatakan telah mencederakan isterinya, Rozana Misbun ekoran tersebarnya beberapa keping gambar menampakkan kesan-kesan lebam di muka wanita itu.

**25 Sept.** Pasangan Aeril Zafril dan Wawa Zainal didapati bersalah oleh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Petaling atas kesalahan melakukan pernikahan tanpa kebenaran Pendaftar Nikah, Rujuk dan Cerai menurut Seksyen 40(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor dan Seksyen 134 (subahat) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003.

**13 Nov.** Bekas pengurus Zizan Razak, Marina Juki memfailkan saman berjumlah RM 500,000 kepada pelawak itu kerana dikatakan melanggar kontrak.

**19 Nov.** Ezad Exist ditahan pihak polis di kawasan kompleks Selayang Mall selepas didapati memiliki dadah jenis Syabu seberat 0.3 gram.

Headline	Suka duka anak seni		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Dec 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	30	ArticleSize	426 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 8,420	PR Value	RM 25,259

**3 Dis.** Kereta Audi A5 milik Ibu Shaheizy Sam, Khaty Fauziah yang juga seorang pelakon ditahan Jabatan Pengangkutan Jalan kerana mengubah plat kenderaan MCM 1774 menjadi MOMMY.

**5 Dis.** Penulis novel, Elias Idris mengemukakan tindakan saman terhadap Shamsul Yusof yang didakwa meniplak novelnya, *Aku Bohsia* menjadi filem *Bohsia* (2009). Shamsul bagaimanapun menafikan yang dia meniplak karya tersebut.



**DATUK M. NASIR** (kiri) bersalaman dengan bekas Presiden MIC, **Datuk Seri S. Samy Vellu** sewaktu mereka berdua menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah sambil diperhatikan Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir, **Prof. Datuk Dr. Abdul Rahman Abdul Aziz** (tengah) dalam Majlis Konvokesyen ke-27 Universiti Utara Malaysia, baru-baru ini.